baharu² ini maka nyata sa-kali undang² ini patut di-pinda dan pindaan itu patut di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat ini. Dato' Yang di-Pertua, satu masalah besar yang menjadi ketakutan kepada ra'ayat negeri ini ia-lah satu permusohan di-antara kaum. Permushohan di-antara kaum ini boleh di-timbulkan dengan hasutan yang di-beri oleh beberapa golongan yang tidak bertanggung-jawab dan permushohan di-antara kaum ini boleh timbul sa-kira-nya pehak² yang tidak bertanggung-jawab di-dalam parti² yang mengambil bahagian di-dalam Pilihan Raya itu menimbulkan perkataan² yang boleh merosakkan perasaan kaum² yang ada di-dalam negeri ini. Tetapi, Dato' Yang di-Pertua, permushohan antara agama itu lebeh merbahaya dan lebeh di-takuti, dan lebeh patut kita mengambil berat daripada permushohan di-antara kaum. Permushohan di-antara agama telah pun timbul di-dalam sejarah dunia kita, dan telah mengurbankan banyak nyawa yang telah mati kerana permushohan agama. Dalam dunia yang baharu ini dalam menghadapi Pilihan Raya dalam negeri kita ini timbul satu permushohan agama yang di-bawa oleh Parti Islam sa-Tanah Melayu, tetapi bukan permushohan di-antara agama dengan agama tetapi permushohan di-antara kalangan yang ada dalam satu agama sahaja, dan kerana perkara itu di-bawanya di-dalam Pilihan Raya, di-dalam politik dan di-dalam masyarakat ra'ayat negeri ini, maka timbul perpechahan dan permushohan di-antara orang² Islam sama² dengan orang² Islam sendiri. Jadi, permushohan yang timbul di-dalam dunia modern ini ia-lah permushohan di-antara ra'ayat di-dalam satu agama. Tetapi, kita boleh panggilkan permushohan agama di-antara satu agama dengan agama yang lain. Permushohan ini timbul dengan kerana pehak yang tertinggi sa-kali di-negeri Kelantan ia-itu Menteri Besar negeri Kelantan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Ishak Lutfi, telah memanggil satu perjumpaan di-rumah-nya, ia-itu Rumah Kerajaan mengadakan satu perhimpunan Dewan Ulama PAS serta mengambil keputusan ia-itu siapa² yang berikat atau pun berkerjasama dengan orang² yang bukan beragama Islam, maka orang itu di-katakan kafir, dan orang itu tidak harus

di-pileh oleh orang Islam menjadi wakil atau pun mentadbirkan negeri ini. Satu daripada ulama yang hadir di-dalam perjumpaan itu telah balek ka-kampung apa yang di-huraikan di-kampung adalah lebeh merbahaya daripada keputusan yang telah di-ambil itu, dan boleh jadi keputusan itu di-ambil ada-lah sama dengan apa yang di-huraikan di-kampung-nya itu. Satu daripada ulama Dewan Ulama PAS ia-itu Tuan Haji Omar, yang pada masa ini mengikut khabar-nya ia berada di-Tanjong Rambutan, kerana kepala-nya tidak berapa betul, dia menyatakan di-Pasir Mas, siapa² yang berikat dengan orang² kafir di-dalam memerintah negeri, maka orang Islam itu menjadi kafir, dan bukan sahaja kata-nya kafir, tetapi ia-lah kafir munafikin. "Munafikin" itu ma'ana-nya kafir yang halal darah-nya di-bunuh. Timbul-nya petua ini di-tabor di-kampung² di-segenap cherok di-negeri Kelantan dan membangkitkan kemarahan di-antara kalangan orang² Islam di-sana, sa-hingga isteri dengan suami bergaduh bercherai berai, sa-hingga keluarga menjadi berpecah belah, sa-hingga ra'ayat menjadi huru-hara, dan berbangkit pergaduhan di-antara saudara Islam kita dengan saudara Islam yang ada di-dalam negeri Kelantan itu. Apabila timbul petua itu maka Parti Islam di-dalam akhbar telah menerangkan ia-itu mereka tidak bertanggung-jawab kerana petua itu di-keluarkan oleh guru ugama yang tidak sa-tahu Parti Islam. Tetapi Haji Omar sendiri telah menerangkan di-dalam akhbar menyatakan keputusan itu di-buat oleh 19 orang Ulama PAS, di-rumah Menteri Besar sendiri, dan keputusan itu telah pun di-ambil, itu-lah sebab-nya maka dia telah menghuraikan perkara itu kepada ra'ayat di-dalam negeri Kelantan. Apabila timbul huru-hara di-dalam negeri Kelantan, ahli² PAS yang ada bertanggung-jawab di-dalam Majlis Ulama Negeri Kelantan telah mengeluarkan petua dengan kehendak ra'ayat yang meminta petua itu menyatakan orang² yang berikat dengan kafir itu tidak kafir, sa-kira-nya tidak dengan kesukaan hati-nya di-atas kekaifiran itu, dan tidak haram sa-kira-nya di-dalam keadaan dharurat. Tetapi, Dato' Yang di-Pertua, mereka yang tidak bertanggung-jawab itu telah

mengambilkan petua yang sangaja di-susun sa-bagitu rupa supaya dapat mengelirukan ra'ayat seluruh negeri Kelantan. Dan perkataan² di-dalam petua itu telah di-pinda di-ubah dan di-bacha di-beberapa tempat di-dalam negeri Kelantan itu sa-hingga ada Imam daripada Parti Islam yang telah memotongkan perkataan² di-dalam petua yang di-buat oleh Majlis Ugama Islam itu dan di-bachakan kepada ra'ayat dengan meninggalkan perkataan² yang di-pandang tidak memberi keuntungan kepada parti-nya. Sa-hingga Imam itu telah di-da'awa dan di-repotkan kepada Majlis Ugama Islam Negeri Kelantan, dan pada masa ini majlis itu sedang menimbangkan, dan susah hendak menimbangkan-nya kerana Majlis Ugama Islam itu sendiri di-tadbirkan oleh wakil² Parti Islam itu sendiri. Jadi, timbul kekechohan di-antara kalangan ra'ayat dan kalangan yang bertanggung-jawab di-dalam negeri Kelantan itu. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, kekechohan itu timbul oleh kerana perkara itu telah terbuka lebeh dahulu sa-belum sampai-nya Pilehan Raya. Ini nasib-lah bagi ra'ayat negeri Kelantan kerana kalau tidak petua yang di-susun itu sa-benar-nya bertujuan supaya petua ini di-keluarkan pada sa'at dekat Pilehan Raya supaya menjadi satu perkara yang memaksakan ra'ayat negeri Kelantan tidak dapat memilih sa-lain daripada Parti Islam kerana siapa yang memilih sa-lain daripada Parti Islam yang ada ugama lain bersama² dalam tadbiran negeri ini maka orang itu kafir, dan berlawanan dengan Islam, dan tujuan hendak di-keluarkan petua itu ia-lah dekat masa Pilehan Raya pada tahun 1964 ini. Jadi, apabila di-keluarkan hal itu, maka ini kita dapat dengar Kerajaan telah bertindak dengan kerana huru-hara di-negeri Kelantan itu, maka Kerajaan telah bertindak menahan beberapa orang to' guru yang menaburkan petua² yang karut itu dan membangkitkan huru-hara di-dalam negeri Kelantan.

Dan kerana kebangkitan huru-hara ini-lah maka beberapa orang guru terpaksa di-tahan supaya tidak menjadi burok keadaan di-negeri Kelantan itu. Dan Undang² ini timbul di-dalam Dewan ini bagi menjaga keselamatan dan kebebasan di-dalam pilehan raya

bagi tahun 1964 ini. Jadi, saya nampak dua usaha yang besar ia-itu menahan tok² guru ini, daripada menyebarkan fitnah yang menimbulkan huru-hara dan juga mengadakan undang² ini supaya memberikan kebebasan kepada ra'ayat memilih wakil-nya ada-lah dua perkara yang sangat penting yang patut mendapat sambutan daripada ra'ayat seluruh negara Malaysia ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya suka tambahkan ia-itu pada hari ini bukanlah mereka itu berdiam diri dalam perkara mengalatkan ugama ini untuk kepentingan politik bahkan dengan sa-chara subversive dengan sa-chara senyap² mereka ini maseh menjalankan usaha² ini, maseh memaksa ra'ayat supaya memahami ia-itu election ini ada-lah satu alat yang boleh menimbulkan satu perkara yang dapat di-mana negara Islam di-dalam negara ini dan sa-kira-nya siapa² tidak memilih Islam maka Islam akan mati dan orang itu berdosa, dan berlawanan dengan ugama-nya sendiri. Jadi sa-chara perjalanan yang di-buat oleh mereka ini, saya rasa mereka ini ia-lah mereka² yang meng-alatkan ugama untuk kepentingan kerusi dan kedudukan-nya di-dalam Dewan ini. Mereka tidak menghiraukan ra'ayat berpechah-belah membangkitkan huru-hara di-dalam negeri ini. Saya suka terangkan juga di-sini ia-itu apabila bangkit huru-hara mereka kata di-Kelantan tidak ada huru-hara tidak berbangkit huru-hara apa² di-dalam negeri Kelantan, chuma ada beberapa orang daripada Perikatan sahaja yang suka menaborkan perkara ini supaya Kerajaan bertindak. Tetapi kalau siapa juga datang ka-Kelantan meninjau keadaan ra'ayat di-negeri Kelantan dan sa-kira-nya siapa bertanya kepada polis di-negeri Kelantan atau menulis surat kepada siapa juga yang ada di-negeri Kelantan mengambil tahu di-negeri Kelantan, maka Ahli² Yang Berhormat dapat-lah mengetahui bagaimana hal yang terjadi di-negeri Kelantan kerana di-peralatkan dengan ugama bagi kepentingan politik. Tumbok-menumbok, pukul-memukul, maki-memaki dan pergadohan kechil² di-kampong² tidak berhenti semenjak keluar-nya fatua kafir mengkafir. Sa-hingga hari ini maseh ada pergadohan di-kampong² yang tidak

berani di-repotkan kepada polis, kerana pehak yang bergaduh itu bagi pehak yang mengatakan kafir dan haram itu pada hari ini mereka telah takut hendak merepotkan apa yang telah berlaku di-dalam kalangan mereka itu kepada polis kerana takut polis akan mengambil tindakan dalam masaalah ini. Jadi itu-lah sebab-nya mereka ini telah menjalankan kaedah subversive atau meresap di-kampong² membawa ugama sa-bagai alat mengugut ra'ayat supaya jangan mengundi dengan chara bebas. Ini-lah perkara yang telah berlaku di-dalam negeri Kelantan dan manakala ke-kecohohan ini berlaku, saya suka terangkan di-sini ia-itu di-kalangan beberapa orang daripada pemimpin² PAS sendiri merasa perkara ini satu perkara yang merbahaya, merasai perkara ini perkara yang amat dahshat sa-kali sa-kira-nya di-biarkan berlaku, itu-lah sebab-nya maka sa-orang daripada Senator kita di-sini ia-itu yang menjadi ketua Dewan Pemuda PAS Malaysia, Enche' Amaluddin bin Darus kita daripada Kelantan, dia sendiri mengatakan di-dalam akhbar ia-itu tok² guru tua katanya telah mengeluarkan fatua² atau mengeluarkan kitab yang 700 tahun dahulu bukan kitab² yang boleh di-pakai pada sa'at ini. Dan manakala saya berbual dengan Enche' Amaluddin bin Darus sa-bagai ketua pemuda PAS untuk meninjau fikiran-nya maka beliau sendiri menentang chara² perjalanan PAS yang di-jalankan pada hari ini. Beliau sa-bagai ketua pemuda PAS menyatakan yang beliau akan menggulingkan tok² guru tua ini, pemimpin² PAS daripada kalangan tua dan pemuda² PAS-lah yang akan menjalankan gerakan menggulingkan-nya kerana ini ada-lah satu perkara yang merbahaya bukan sahaja kepada ra'ayat tetapi kepada pemuda² PAS sendiri. Dalam perbualan saya dengan-nya itu nyatakan sa-kali bahawa beliau tidak suka perkara ini berlaku di-dalam negeri Kelantan dan di-dalam Malaysia. Jadi, saya rasa beliau akan memberi sokongan kepada undang² ini supaya kita bebas mengadakan pilihan raya dengan tidak ada perasaan perselisihan di-antara sama² Islam kita dan supaya kita dapat kawalan supaya kebebasan pilihan raya itu ada dan musharakat kita aman, sentosa dan senang.

Satu perkara lagi masaalah yang sentiasa di-taborkan oleh pehak² yang tidak bertanggung-jawab kepada ra'ayat seluroh negeri ini ia-lah menyatakan ia-itu perkara ugama itu boleh di-bahathkan di-dalam Dewan Ra'ayat dan di-Dewan Negara ini. Mereka kelirukan ia-itu Dewan Parlimen ini ada-lah tempat yang boleh membentok sa-buah Kerajaan Islam di-dalam negeri ini. Mereka kelirukan yang ugama itu ada-lah di-tangan Raja² Melayu. Ugama itu kuat-kuasa dan tadbiran-nya di-bawah Majlis Raja² Melayu. Mereka kelirukan dengan chara itu-lah maka mustahak timbul-nya ugama di-dalam politik. Mereka mengalatkan ugama untuk menjadikan alat yang menaikkan mereka menjadi ahli di-dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara ini. Jadi itu-lah sebab-nya saya rasa tidak payah saya berchakap panjang di-dalam Rang Undang² ini kerana apa yang di-huraikan oleh Perdana Menteri ada-lah chukup terang bagi ra'ayat membacha dan memahaminya dan keadaan yang berlaku di-sekeliling kita sudah sa-wajar-nya kita terpaksa mengadakan satu undang² bagi menjamin kebebasan berugama, kebebasan berpilihan raya, kebebasan dalam tadbir dan chara mengeluarkan fikiran. Itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil peluang untuk berchakap dalam perbahathan yang mengenai dengan Pindaan Undang² Kesalahan² Pilehan Raya. Tetapi saya minta ma'af kepada Dewan ini oleh kerana saya tidak dapat mengikut perbahathan yang baik ini kerana saya tidak tahan sejok. Saya fikir pada hari ini patut saya memakai pakaian Melayu kerana ini-lah satu² pakaian yang tinggal pada orang Melayu tetapi tidak tahan benar kerana terlampau sejok, oleh itu-lah terpaksa saya keluar sebentar dan dapat mengikuti sedikit sangat daripada apa yang di-chakapkan oleh Yang Berhormat kawan saya yang datang dari Kelantan juga. Tetapi bagaimana pun saya dapat faham bahawa maksud yang besar dalam pindaan undang² ini khusus-nya mengenai ugama ada-lah bulat² di-tujukan kepada Persatuan Islam sa-Tanah Melayu dan itu-lah yang menjadi isi

atau topic kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan Ra'ayat dan saya perchaya sa-panjang yang telah di-chakapkan oleh sahabat saya dari Kelantan pun bagitu juga berkenaan dengan konon-nya PAS telah menyalah gunakan ugama maka perlu-lah undang² saperti ini di-adakan dalam Malaysia kita.

Saya menentang sa-kuat²-nya pindaan ini yang kita sifatkan sa-bagai satu usaha untuk menyekat kebebasan berugama di-dalam negeri ini khusus-nya bagi umat Islam. Biar-lah saya fahamkan satu perkataan yang pernah di-sebutkan oleh sa-orang Orientalist, "Islam is not only a religion but it is a way of life". Sa-orang Orientalist, ia-itu sa-orang penyiasat hal-ehwal ketimoran, sa-orang yang bukan Islam, pernah mengeluarkan satu perkataan ia-itu Islam bukan sahaja satu ugama tetapi ada-lah satu chara hidup dan berfikir—way of thinking yang bersendirian. Kerana ini, apabila Persatuan Islam sa-bagai kumpulan manusia warganegara dalam negara kita ini mengambil Islam sa-bagai dasar politik-nya maka dia bukan-lah satu keterlaluan tetapi ada-lah satu keadaan yang patut, patut di-lakukan oleh satu gulungan umat yang ada mempunyai ideology dan keyakinan sendiri. Saya terlalu kesalkan dengan tuduhan yang telah di-lemparkan kepada Persatuan Islam konon-nya mengalatkan ugama, kita tidak ada mempunyai niat untuk memperalatkan ugama, kita ada-lah alat bagi ugama itu sendiri, itu-lah yang saya fahamkan saperti yang saya katakan tadi dan di-katakan oleh sa-orang Orientalist dari Barat itu ia-itu "Islam is not only religion but it is the way of life".

Tuan Yang di-Pertua, Undang² yang di-buat pindaan ini akan menyekat orang² daripada Persatuan Islam dalam berkempen yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi. Dalam menyebutkan spiritual—perkara yang boleh memperkuat keimanan dan kita yakin di-tujukkan kepada umat Islam; maka Perikatan satu party yang memerintah pada hari ini, yang ingin kembali berkuasa dalam pilihan raya akan datang mengharapakan senjata ini tidak dapat di-pergunakan oleh Persatuan Islam. Saya suka menjelaskan di-dalam

Dewan ini bahawa PAS sa-bagai sa-buah parti politik mempunyai senjata² yang banyak dari segi politik dan tidak-lah gentar dengan perbuatan mewujudkan satu pindaan mengenai kesalahan pilihan raya dari segi ugama ini. Kerana kita ada mempunyai modal seribu satu macham modal untuk kita berjuang dan bergerak di-dalam pilihan raya dan di-luar pilihan raya tidak saperti Perikatan yang bengkrap, yang telah kehabisan modal di-dalam menghadapi Persatuan Islam di-dalam pergolakan politik di-dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah tegaskan bahawa PAS tidak mengalatkan ugama tetapi menjadi alat chita² politik Islam yang di-ajar kepada umat Islam, maka sebab itu kita berpolitik dan telah kita menjadikan Persatuan kita satu Persatuan yang bergerak untuk mencapai chita² politik sa-chara Islam, ekonomi sa-chara Islam, kehidupan social sa-chara Islam di-dalam negara kita ini. Tunku Perdana Menteri telah memberikan satu alasan bahawa jika di-biarkan ada gulungan²; maksud-nya tentu-lah PAS memperalatkan ugama akan menimbulkan huru-hara dan kachau-bilau di-antara orang² Islam dengan orang² yang bukan Islam dalam negara ini.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat itu berkata, chita² PAS ia-lah mengalatkan parti-nya untuk mencapai chita² Islam, ekonomi Islam dan sa-bagai-nya Islam lagi. Jadi, saya bertanya sedikit, apa-kah ekonomi Islam yang telah di-buat-nya di-Kelantan itu?

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, kita dalam perjuangan belum sampai kepada persoalan melaksanakan ekonomi Islam, sa-lagi kekuasaan Pusat belum ada di-tangan kita, Tuan Yang di-Pertua, soal yang penting di-hadapan kita ini ia-lah perjuangan Pilihan Raya untuk mencapai kemenangan, untuk menyampaikan chita² bagi sa-buah parti politik mengikut saluran demokarasi, Undang² ini telah menyekat kebebasan beragama di-dalam negeri ini, bagi pihak saya bahawa Undang² ini sa-kali lagi saya tegaskan menyekat kebebasan ugama

bagi umat Islam dalam negeri ini. Saya tidak nampak bahawa apabila Persatuan Islam menimbulkan soalan² Islam untuk menarik perhatian orang² Islam menyokong PAS dalam perjuangan politik akan menimbulkan satu² kekacauan kepada orang² yang bukan Islam, kerana apa yang di-lakukan oleh PAS ia-lah memanggil umat² Islam bersatu di-dalam satu² pimpinan dan pergerakan, kemudian kita dengan idiologi Islam itu akan menghadapi orang² yang bukan Islam dengan fahaman luas dan tolerant, dan tidak ada satu sebab orang² yang bukan Islam akan takut, dan saya nampak tidak ada orang² yang bukan Islam itu takut kepada pergerakan PAS, melainkan orang² UMNO itu yang takut, kerana mereka akan kehilangan pengaruh. Tuan Yang di-Pertua, saya harap kalau boleh tarik balek chakap² yang mengatakan PAS mengkafir²kan orang. Sa-benar-nya PAS tidak pernah membuat bagitu.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah negeri ini akan menchatetkan betapa tidak adil-nya perjalanan kerajaan yang telah menyekat perkumpulan beragama di-dalam negeri ini sa-mata² dengan kerana ketakutan, ia-itu takut kepada parti lawan. Saya suka mengeluarkan satu pantun Melayu ia-itu:

melukut di-tepi gantang,
buka sanggul chari kutu,
sebab takut 'akal pun hilang,
segala tunggul di-sangkakan hantu.

Jadi, Perikatan khusus-nya orang UMNO merasakan takut, takutkan kebenaran, sa-hingga sanggup membuat satu perkara, walau pun itu akan menchatet titek hitam dalam sejarah perjuangan politik di-dalam negeri ini, dan sejarah UMNO dan Perikatan akan tetap hitam kerana menekan perkembangan ugama di-dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu hendak menyebutkan sa-jauh mana kejahatan politik yang di-lakukan oleh pihak Perikatan di-dalam negeri Kelantan hingga menimbulkan kehebohan dan kebisingan di-dalam negeri ini. Kemudian-nya, itu-lah menyebabkan pindaan ini sa-bagai satu alasan, konon-nya huru-hara telah timbul di-Kelantan, oleh sebab dengan sikap PAS memperalatkan Ugama. Apa yang di-cheritakan

oleh orang² Perikatan, dan apa yang di-chakapkan oleh akhbar², berita² di-negeri Kelantan ada-lah dusta dan bohong, hakikat yang sa-benar-nya, apa yang berlaku tidak-lah saperti yang digambar gamburkan oleh surat khabar dan Pemimpin² Perikatan yang berjalan ka-sana ka-mari, bukan untuk memberi penerangan kepada ra'ayat, tetapi menimbulkan fitnah dan memomok²kan perjuangan Islam dalam perjuangan politik negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya PAS di-kongkong, dan ditahan kebebasan-nya untuk berchakap di-dalam Pilehan Raya² yang akan datang, dengan ada-nya Undang² ini, itu tidak-lah bererti sokongan ra'ayat kepada PAS itu akan berkurangan dengan kerana PAS tidak boleh lagi membawa alasan² spiritual, ayat² yang memanggil orang² Islam dan mengingatkan hakikat² kebenaran ajaran Islam bagi menyokong perjuangan PAS itu, saya mahu menegaskan walau apa yang di-kata

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Kesilapan Ahli Yang Berhormat itu berchakap, dia kata dia tidak boleh bawakan ayat², sa-benar-nya dia salah faham, Undang² ini tidak menyekat kebebasan hendak menggunakan ayat, walau beberapa banyak pun ayat, dia boleh baca, kalau dia hendak baca.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, itu chuma lagu lama. Saya faham apa yang di-maksudkan oleh Undang² ini, erti-nya untuk menyekat PAS membuat sa-suatu yang merupakan spiritual. Kita hanya memanggil orang² Islam supaya menta'ati jalan² U gama itu, kerana Islam itu bukan-lah di-punyai bagi satu² golongan, Islam itu di-punyai oleh semua manusia yang mahu menerima konsep-nya.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, itu semua kita tidak tahan, Ahli Yang Berhormat itu silap, saya harap dapat di-baiki.

Enche' Amaluddin bin Darus: Walau apa hal sa-kali pun saya tidak pernah silap faham, yang silap dan yang menimbulkan kekeliruan ia-lah dari pehak Kerajaan sendiri. Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah berlaku di-dalam

satu kampen, bahkan Perikatan ada-lah lebeh hebat dari apa yang di-chakapkan oleh PAS, kerana apa yang di-chakap oleh PAS itu ia-lah chakap yang benar, sebab saya tidak sanggup untuk mengeluarkan satu perkataan walau di-mana sa-kali pun, kalau perkataan itu melampau² batas, baik mengenai orang ramai atau peribadi sa-kali pun, kerana itu berlawanan dengan politik PAS, dan berlawanan dengan prinsip keyakinan kita sendiri. Tetapi sa-orang pensharah Yang Berhormat dari Johor, bersharah di-Jerteh, beliau telah mengatakan bahawa PAS satu parti politik musuh Allah, musuh Tuhan, musuh Islam, sa-mata² dengan kerana PAS konon-nya mengatakan orang yang belajar sekolah dewasa masok neraka. Saya tidak tahu bagaimana itu telah keluar. Jadi, dia telah menggunakan ayat Quran begitu dan bagini. Saya terpaksa memesan orang² PAS jangan layan ucapan yang begitu bodoh dan rendah sa-kali dari nilai politik negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, ini-lah yang paling kita takut dan perkara itu telah terjadi, Undang² telah di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat dan Undang² tentu akan di-luluskan oleh Dewan ini, kerana ahli pehak Kerajaan itu lebeh ramai daripada pehak pembangkang, tetapi satu perkara yang saya mahu mengingatkan supaya menjadi chatetan perjalanan meshuarat kita; kita tidak hairan kalau pindaan itu boleh terjadi, dengan sebab satu kekuasaan daripada satu golongan umat Islam yang mempunyai Ulama' dan Mufti-nya sendiri boleh bertindak terhadap pejuang² Islam, lebeh dahshat dari apa yang di-buat oleh penjajah sendiri. Kalau penjajah di-zaman dahulu bertindak menentang pemimpin dan perjuangan Islam dengan menggunakan segala diplomasi dan kuat kuasa yang ada pada mereka dengan chara lembut, paling banyak dia akan mempenjarakan, tetapi golongan² yang mempunyai Ulama', akan boleh menekan pejuang² Islam, bukan sahaja dia boleh membuang negeri, bahkan boleh mengantong, kerana Ulama'-nya boleh mengatakan, dia itu menentang Islam saperti yang di-ucapkan oleh Perdana Menteri sendiri, mengatakan PAS menyalah gunakan Islam, dan sa-bagai-nya. Ini satu tuduhan yang paling dukachita, dan ini-lah dia akibat daripada orang²

yang memperalatkan U gama, tetapi tidak sanggup mengikut U gama itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan apa hal pun memandang Undang² ini tidak gentar kerana kita ada mempunyai ra'ayat yang sedar di-dalam negeri ini tentang perjuangan politik dapat menimbangkan apa yang benar dan apa yang tidak benar.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, pepatah Melayu ada mengatakan, "siapa yang makan lada dia-lah yang merasa pedas". Berchakap di-dalam perkara Undang² Pindaan Kesalahan Pilehan Raya ini, dan setelah saya mengikut dari ayat ka-ayat dalam Rang Undang² ini saya dapati tidak ada satu patah pun perkataan yang melarang penganut² apa u gama sahaja untuk menjalankan tujuan² suchi u gama masing². Tetapi saya merasa hairan baharu sekejap tadi pensharah yang akhir ini telah berchakap bagitu panjang lebar menudoh pehak Kerajaan sekarang ini chuba dengan mengadakan undang² ini dengan tujuan hendak menghalang umat² Islam, hendak menjatuhkan umat² Islam dan hendak purak purandakan umat² Islam dalam kehidupan-nya sa-hari. Ini saya rasa ada-lah satu tudohan yang melulu, satu tudohan yang tidak bertanggung-jawab bahkan satu tudohan yang sengaja hendak membangkitkan ra'ayat sekalian merasa kurang senang dan tidak puas hati dengan Kerajaan yang ada sekarang ini. Pada hal saya nampak apa yang di-jalankan oleh Kerajaan sekarang ini ia-lah satu Kerajaan yang di-dalam sejarah Persekutuan Malaysia kita ini yang sungguh banyak menjalankan ranchangan² demi kepentingan kemajuan dan kesuchian u gama Islam kita yang maha suchi. Dengan mengadakan satu fasal yang melarang orang² menggunakan ucapan² atau pun hasutan² yang berupa semangat kejiwaan maka ini saya rasa ada-lah dengan tujuan untuk memberikan kepada ra'ayat sekalian hak² asasi mereka 100 peratus boleh menggunakan kepandaian mereka untuk memilih chalon² mereka mengikut tujuan² yang sa-benar-nya supaya tidak-lah ra'ayat yang benar di-jalan mana juga di-pengarohi dengan apa chara pun oleh gulongan² yang sengaja

hendak menggunakan alat u gama untuk kepentingan tertentu.

Saya perchaya dengan ada-nya undang² ini akan menjadi pembela kepada u gama kita, satu pembelaan untuk mempertahankan kesuchian Kur'an, mempertahankan kesuchian hadith² daripada di-gunakan oleh gulongan² yang sengaja memutar²kan ayat Kur'an demi kepentingan mereka sendiri. Telah banyak-lah di-kampong² sekarang ini berlaku orang² yang datang ka-kampong² memutar balekkan ayat² Kur'an, memutar balekkan hadith² demi kepentingan mereka. Maka sudah tentu-lah saya rasa sa-bagai sa-buah Kerajaan yang bertanggung-jawab dan juga orang² yang menyokong-nya baik Mufti² dan alim ulama yang bertanggung-jawab menyambut dan menyokong undang² ini untuk tujuan yang suchi ini. Saya sangat-lah dukachita pehak yang berchakap baharu sebentar tadi mengatakan Perdana Menteri dan gulongan² u gama yang tertentu yang terdiri daripada Mufti² dan Ketua² u gama yang telah sanggup sekarang ini konon-nya mengganggu menangkap atau pun di-buang negeri orang² Islam yang di-katakan hendak memperjuangkan Islam. Ini-lah satu tudohan yang sangat melulu dan satu tudohan yang chukup jahat oleh kerana saya tahu dan saya mengikut betul² terutama di-Pantai Timor, orang² yang telah di-simpan oleh Kerajaan bagi sementara ada-lah orang² yang sunggo² merbahayakan u gama. Orang² ini saya tidak tahu sama ada di-sokong oleh PAS atau tidak tetapi orang² ini telah menggunakan u gama untuk memecah-belahkan orang² Islam.

Enche' Amaluddin bin Darus: Merbahayakan kepada Perikatan.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Boleh jadi merbahayakan Perikatan oleh kerana Perikatan memperjuangkan u gama Islam. Orang² gulongan ini datang di-kampong² menyebarkan diayah² memecah-belahkan orang Islam, memberikan pandangan² dan hasutan² kepada ra'ayat bahawa siapa² yang tidak menyokong satu gulongan yang tertentu ada-lah mereka itu sama ada di-murka² Tuhan atau pun keluar daripada Islam. Ini saya rasa

ada-lah satu chara hendak mengurangkan orang Islam di-dalam negeri ini. Kita ada lebeh kurang tiga juta lebeh ra'ayat Islam tetapi dengan tindakan² bagini boleh jadi sampai satu dua ratus ribu orang sahaja yang tinggal jadi Islam mengikut gulongan² yang bagini. Maka ini-lah saya rasa sudah sa-wajar-nya pehak pemerintah atau Kerajaan mengambil tindakan kepada mereka ini demi perjuangan dan kepentingan agama Islam yang telah di-bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w., bukan-lah oleh mereka ini yang sunggoh²-nya ia-lah menjadi pengkhianat dan memechah-belahkan umat² Islam. Untuk mengatakan bahawa gulongan² Tunku Perdana Menteri sekarang ini lebeh dahshat daripada penjajahan British dahulu oleh kerana penjajah dahulu membiarkan orang bagini bermarajalela dan pemerintahan yang ada dengan anjoran Perdana Menteri sekarang ini tidak membiarkan mereka ini membuat sa-kehendak hati-nya. Maka ini sudah tentu-lah satu perkataan yang memang hanya boleh timbul daripada gulongan² yang kurang senang melihat agama Islam yang sunggoh² di-jagai dan sunggoh² di-pertahankan. Saya perchaya ucapan yang di-buat baharu sekejap tadi ada-lah sa-orang Islam yang sunggoh² mahu melihat Islam berkembang maju tetapi ucapan yang datang dari sa-orang yang tidak chara langsung mengkhianati agama Islam. Uchapan itu ta' hairan kalau datang daripada orang yang menjadi alat daripada gulongan² faham lain sama ada komunis atau pun saya ta' tahu-lah yang sunggoh² saya rasa chara tidak langsung . . .

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat itu sudah terlampau . . .

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Saya tidak-lah mengatakan Yang Berhormat ini sa-orang komunis atau pun di-alatkan oleh komunis tetapi ucapan-nya itu tidak lebeh kurang sama chara komunis beruchap juga.

Ingat-lah kita sekarang ini dalam Malaysia ada-lah sedang menghadapi anchaman dari berbagai² chorak dari dalam dan dari luar maka sudah tentu-lah kita mahu supaya ra'ayat di-Tanah Melayu ini terutama sa-kali orang²

Islam kita bersatu padu tidak di-hasut dan tidak di-perak perandakan oleh gulongan² yang chuba hendak memechah belahkan antara kita, dengan sebab itu-lah saya nampak gulongan² ini yang sekarang ini chuba hendak menaikkan perasaan ra'ayat benchi kepada pemerintah, sama ada di-sadari atau tidak di-sadari, sama ada di-insafi atau tidak di-insafi, ada-lah gulongan dengan chara langsung atau tidak langsung akan memberi faedah kepada gulongan² yang tidak suka kepada Kerajaan Malaysia sekarang ini yang menjalankan dasar konfrantasi kepada Kerajaan Malaysia atau gulongan² komunis yang anti Malaysia sekarang ini. Ingat dan sadar-lah bahawa kita telah datang di-sini ia-lah dengan harapan ra'ayat supaya menjalankan satu dasar, satu polisi mudah²an tanah ayer kita Malaysia yang satu ini-lah sahaja hak pusaka kita akan dapat berjalan dengan aman dan ma'amur. Tetapi, alang-kah sedeh-nya, alang-kah terharu-nya jika ada gulongan² yang chuba mempermain²kan semangat ra'ayat, yang chuba mempermain²kan jiwa ra'ayat atau agama ra'ayat demi kepentingan² yang tertentu. Tidak hairan bagi saya, saperti Yang Berhormat yang baharu berchakap dengan begitu halus atau pun begitu terator menafikan segala tudohan² yang mengatakan PAS menggunakan agama untuk kepentingan politik dan mengatakan PAS mengkapir²kan orang² Perikatan atau UMNO. Saya ta' hairan beliau menafikan kerana saya tahu sikap beliau boleh jadi kadang² dia jujur, dan boleh jadi kadang² tidak jujur. Tetapi apa yang menjadi kemushkilan saya ia-lah bukan gulongan² beliau ini bukan cherdek pandai chendakia daripada gulongan beliau ini, tetapi yang menghairan dan menaajubkan kami dan yang chukup menyedekhan kami ia-lah gulongan² yang di-kampong² yang bukan gulongan beliau itu yang berchakap di-sana sini menggunakan hujah² yang munasabah yang menerangkan yang lain daripada di-gunakan di-sini yang boleh di-terima oleh akal tetapi orang yang datang ka-kampong hujah² yang sa-mata² hendak memperak-perandakan ra'ayat kata² yang kadang² sengaja hendak mengelirukan ra'ayat dengan menggunakan potongan ayat² Quran yang di-potong awal dan akhir-nya

tidak ada. Gulongan yang menggunakan ayat² Quran Fawailul lilmusal-lin erti-nya, maha chelaka orang² yang sembahyang, tetapi tidak di-sambong lagi, ia-itu orang yang sembahyang yang melengah²kan daripada masa-nya, apabila sampai masa Zohor, dia tidak sembahyang, dekat hendak 'Asar baharu sembahyang, itu-lah yang di-katakan chelaka, tetapi Fawailul lilmusal-lin berhenti di-situ sahaja (*Ketawa*). Ini-lah gulongan²-nya yang saya rasa pergi ka-kampong² mengelirukan ra'ayat dengan menggunakan ayat² Quran untok tujuan dia sendiri, tetapi bukan Quran dan Hadith.

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya bangun ini tidak-lah hendak berucap dengan panjang berkenaan dengan parti PAS, tetapi saya akan berucap sedikit sahaja berkenaan dengan Undang² yang kita bahathkan di-hadapan kita ini. Dato' Yang di-Pertua, saya mengalu²kan Rang Undang² ini dan mengucapkan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Menteri Enche' Koh Kai-Boh yang telah membentangkan Rang Undang² Kesalahan Pilihan Raya, bagi di-persetujukan di-dalam Dewan ini. Sungguh pun perbahathan berkenaan dengan Rang Undang² ini telah di-buat sa-lama dua hari dengan hebat-nya di-dalam Dewan Ra'ayat, tetapi saya yakin dan perchaya di-dalam Dewan Negara ini tentu-lah kita semua ia-itu Ahli² Yang Berhormat di-sini lain daripada yang sudah berucap tidak-lah akan mengambil masa yang lewat seperti yang telah di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat Dewan Ra'ayat: yang saya sifatkan sa-bagai loyar burok sahaja, dan orang² yang tidak pandai dan bijaksana dalam perbahathan Undang². Kerana pada fikiran saya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada-lah Rang Undang² ini memang-lah betul dan saksama di-persetujukan pada masa ini, Pilihan Raya juga telah dekat dan jika sa-kiranya Kerajaan tidak memperbuat sa-suatu Undang² bagi mempertahankan segala hasutan² yang berkaitan dengan agama, maka boleh jadi Pilihan Raya yang akan terchapai ini akan menjadi kopak kapek dan juga kita orang Islam akan bersengketa satu dengan lain

dengan tidak ada sebab yang jujur. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju seperti perkataan sa-orang daripada parti pembangkang pada Dewan yang lain; ia-itu beliau itu telah mensifatkan Rang Undang² ini kata-nya ia-lah bertentangan dengan ajaran agama Islam. Saya dapat membacha di-dalam surat khabar baharu² ini dan pada saya sendiri saya tidak nampak-lah bagaimana Rang Undang² ini bertentangan seperti yang di-sebutkan oleh beliau itu pada Dewan yang lain. Tetapi sa-balek-nya pula parti lawan yang tidak sukakan Kerajaan Malaysia di-dalam negeri ini chuba menyeludup di-sana dan di-sini; dengan mengatakan ada-lah UMNO itu bukan-nya parti yang menjalankan dasar Islam, dan dia tidak boleh di-undi di-dalam Pilihan Raya yang akan datang. Tetapi mengikut apa yang saya pelajari dalam agama kita, chuma mereka yang di-sifatkan dalam bahasa Arab-nya "Kafir Harbi" itu-lah sahaja yang kita tidak boleh mengundi—tidak payah-lah saya memanjangkan masa Dewan ini; ma'ana-nya ia-lah satu bangsa kafir yang memerangi dan bunuh membunuh atas kita Islam itu-lah tidak patut kita menchalunkan dia. Tetapi sa-balek-nya pula sa-bahagian besar daripada bangsa yang bermustautin di-negeri kita ini ada-lah mereka itu di-katakan "Kafir Zimmi", dan tidak salah jika sa-kiranya kita mengundi-nya, bahkan menchalunkan mereka menjadi Menteri sa-kali pun boleh; kerana ada-lah orang yang di-sebutkan Zimmi itu, ia patoh kepada Undang² kita dan tidak mengganggu pentadbiran di-dalam negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya suka jua menarek perhatian berkenaan dengan Section 9 Undang² Election Offences No. 9, tahun 1954, yang menggalangkan orang² daripada menggunakan "Undue Influence" dalam Pilihan Raya². Jika—di-istilahkan dalam bahasa Melayu, pada fahaman saya, ia-lah berma'ana "asutan² yang jahat atau pun pertahanan yang tidak jujur pada musharakat". Maka Section 9 ini dengan terang-nya tidak menyebutkan perkataan itu berkaitan dengan agama.

Dalam Pilihan Raya² yang kecil telah terjadi bahawa beberapa ayat

Quran telah di-keluarkan oleh parti lawan, dan saya sendiri pun tidak berapa faham pada ayat² yang di-keluarkan itu. Tetapi jika tidak Kerajaan kita mengeluarkan Rang Undang² ini dengan mempertahankan asutan² yang tersebut, maka Pilihan Raya yang akan datang ini akan menjadi juga saperti yang telah berlaku itu.

Oleh yang demikian itu dengan adanya Rang Undang² pindaan ini maka segala perkara² yang saya sebutkan tadi akan dapat di-atasi oleh pehak yang berkenaan pada Pilihan Raya yang akan datang kelak. Dato' Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang² ini.

Enche' Abdul Wahab bin Idus: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini kerana memberi sedikit sokongan kepada Rang Undang² ini, yang saya tidak dapat membawa perkara² yang lebih kenchang berlaku di-pantai timur dan di-pantai barat atau di-utara tetapi saya berchakap di-tengah² sahaja-lah. Saya maksudkan yang di-tengah itu, elok-nya ada undang² baharu ini barangkali boleh meletakkan harapan pilihan raya yang akan datang ini ada sedikit ringan orang² yang akan memberi penerangan² dan ada sedikit lichin perjalanan-nya kalau sa-kira-nya undang² ini benar² dapat di-jalankan.

Saya bawa satu cherita lalu—cherita hampir telah basi, masa pilihan raya tahun 1959 banyak parti² masok bertanding di-antara-nya masing² mengeluarkan alasan bagi masing²-nya. Dalam banyak² parti sudah tentu-lah Parti Perikatan atau khas-nya UMNO yang lebih banyak modal pada masa itu. Oleh sebab dia dapat menchanangkan tidak jadi-nya Malayan Union, menchapai kemerdekaan dan macham² hal lagi yang sedang berlaku pada masa itu. Itu semua-nya menjadi modal yang benar² dapat di-perkatakan oleh pehak Perikatan atau UMNO. Jadi parti lain apa pula modal-nya. Dia umur baharu, UMNO ini parti tua sudah lama hidup, kemudian datang yang muda, apa pula modal untuk di-keluarkan bagi mengalakkan orang tua ini, ini satu perkara yang susah. Jadi di-situ-lah datang masing² mencari elah untuk menegakkan parti masing²; ini saya tidak sebutkan PAS sahaja tetapi banyak parti.

Dengan sebab barangkali susah berebut mengambil tempat atau pun mengeluarkan modal masing² tadi yang dia punya modal atau dagang agak² kurang lalulah fasal orang baharu munchul, sedikit sahaja kena tudoh sudah kalah. Kelmarin masa sa-belum merdeka, kau mana tidor? Sudah merdeka hendak merebut peluang, sekarang kau baharu munchul, ini temberang lapok. Dengan itu sahaja sudah-lah jadi huru-hara.

Di-tempat saya sana ada parti yang sudah chuba menggunakan Suku. Ini Suku barangkali lain negeri tidak ada, orang China kata "sieh", Orang Negeri Sembilan dia pakai Suku, 12 Suku ada dalam Negeri Sembilan. Jadi satu parti sudah menggunakan Suku, mengambil orang² Suku yang dalam luak itu mesti menyebelah kepada pehak dia. Ada pula kawan² saya sendiri yang sudah pergi masok PAS di-gunakan-lah lebih kurang sedikit, Tunku Abdul Rahman sudah jadi Faraun yang ketiga pula pada masa itu. Jadi dua tiga macham parti yang telah bertanding di-sana, yang lebih menggerun dan mendukachitakan sebab tarek-menarek bahagian Suku² orang semenda dan tempat semenda. Di-tempat saya sana sudah berlaku; ini benar² berlaku bukan saya buat gelak sahaja, benar² berlaku di-kampung saya sendiri.

Malam ini mentua marah kepada menantu-nya mengatakan kalau dia tidak hendak mengikut parti pak mertua-nya dia tidak boleh dudok lagi dalam rumah, ini rumah pusaka; orang Rembau sana pusaka tidak macham orang di-negeri lain. Di-Rembau sana pusaka itu turun-menurun tidak putus²-nya, orang Suku itu sahaja yang boleh. Jadi pak mentua kalau hendak mengikut kaedah adat perpatih di-Rembau, pak mentua tidak boleh mengatakan menantu-nya begitu, sebab pak mentua datang di-situ sa-bagai orang semenda dan menantu-nya datang di-situ pun sa-bagai orang semenda juga, jadi taraf dia serupa. Dia tidak boleh mengatakan begitu melainkan kalau tempat semenda mengatakan menantu-nya begitu, boleh. Jadi dengan ini menantu yang muda sedikit, kepala sudah naik pening tidak dapat berfikir panjang lagi, pagi² dia tidak minum tea lagi di-rumah—ta' beritahu lagi sama pak mentua, mak

mentua dan isteri-nya, terus pergi ka-kedai minum tea. Kepala sudah pening fasal pak mentua tidak beri dia dudok dalam rumah pesaka itu. Sudah dia minum tea di-kedai, mujor-nya pula pak mentua keluar, sampai² di-sana bila dia bersonsong sahaja lansong di-beri satu hadiah dekat hidong pak mentua-nya itu, terlentang kaki ka-atas kepala ka-bawah pak mentua tadi. Apa menyebabkan jadi begitu tuan? Kerana di-masa itu tidak ada undang² mengetatkan supaya parti jangan datang ka-kampong² itu memberikan hujah² yang mendatangkan perkelahian.

Berlaku di-pekan Chengkau pula tempat semenda dengan orang semenda sudah menarek pula adat perpatteh. Adat perpatteh di-bawa ka-sebelah, jadi pak semenda tidak ada hak lagi dalam kawasan tanah pusaka-nya itu. Orang sana kata "talapa", bila di-sebut "talapa" orang yang suku itu berkuasa, sa-kecil²-nya orang yang suku itu sampai jadi Dato' atau Lembaga berkuasa di-"talapa" itu, tetapi sudah terlepas oleh satu parti. Semua hak² tempat semenda di-rampas, hendak kenduri-kendara, nikah-khawin, sakit pening, hidup mati semua-nya sudah dengan parti. Jadi sebab itu tempat semenda sudah naik geram, satu kali dia berjumpa di-pekan sa-kali bergeram, tersandar ka-dinding (*Ketawa*). Ini benar² terjadi, kalau sa-kira-nya ada orang berhajat hendak tengok tempat itu saya boleh bawa dan tunjukkan, ini tempat-nya kelmarin si-pulan sama si-pulan di-sini dia tersandar, sampai begitu saya chakapkan ini. Akibat ini kerana pada masa itu tidak ada undang² itu-lah sebab saya bangun berdiri mengulang cerita lama bagi menyokong undang² yang baharu ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya nampak dalam banyak² parti hari ini kalau hendak di-tanya ra'ayat jelata seluroh-nya walau pun dia sudah menjadi sa-orang yang chukup kuat menyokong parti lain, tetapi dia dalam chara bisek² memang mengatakan apa yang sudah dapat di-buat oleh Parti Perikatan dalam negeri kita ini barangkali 10 atau 20 tahun akan datang tidak akan dapat di-hempit oleh apa juga parti yang baharu munchul. Perkara macham ini walau pun di-mulut-nya tidak hendak

mengaku tetapi hati-nya tetap mengaku (*Tepok*). Jadi sa-barang apa parti yang ada dalam negeri kita hari ini mulut-nya mengatakan Perikatan sudah bergian², ini hanya untok menchari modal sahaja sebab Perikatan sudah terang terbentang, kata pepatah orang² Melayu, "bukan bersuloh batang pisang tetapi bersuloh bulan dan mata hari". Saya rasa, Dato' Yang di-Pertua, sudah saya uchapkan perkara ini tadi dan saya harap kejadian ini tidak berulang lagi lebeh² di-pantai timor.

Tadi saya nampak satu chara yang betul² saya termenong dan berasa hiba, saya memandang berchakap sa-belah sini saya nampak betul² apa yang dia pakai-nya itu macham saya pakai. Berchakap di-sana saya nampak betul² apa yang di-pakai-nya sa-rupa juga dengan yang saya pakai ini—ini mahkota kebangsaan yang di-pakai ini. Tetapi kalau menengok perchakapan-nya itn saya agak² kalau kita bawa di-Bukit Fraser di-suroh 5 orang pehak sana dan 5 orang di-pehak sini, boleh jadi barangkali dalam dua jam mereka bertengkar itu, boleh jadi tidak ada orang akan balek ka-rumah—sudah inalillah wahina lillah hirajiun (*Ketawa*). Daripada perkataan yang di-keluarkan itu, ini-lah dia sidang hadzirin, sama²-lah kita fikirkan macham mana tidak menjadi purak puranda, tidak mendatangkan huru-hara, siapa hendak terima? Orang yang siuman fikiran-nya dan terpilih menjadi wakil ra'ayat di-sini, orang yang tinggi dalam satu² parti, kalau kopiah yang di-pakai-nya, itu pun kita mesti tengok. Sa-kira-nya dia berchakap ini di-Bukit Fraser atau dekat Bentong jalan yang berkonar² letakkan 5 orang di-sebelah sana dan 5 orang di-sebelah sini barangkali berapa orang tidak akan balek ka-rumah, sudah habis di-situ juga. Jadi macham mana di-katakan perkara ini tidak mendatangkan huru-hara di-kampong² tempat orang yang lebeh tidak faham dan tidak tinggi fikiran-nya, ini tentu tidak dapat kita terima.

Dan saya sendiri ada pergi dalam satu Pilihan Raya Kechil di-negeri Kelantan dekat sempadan Siam sana, dan berjumpa dengan Yang Berhormat Nik Hassan, saya lansong tidak berani berchakap sa-patah pun daripada

bandar sampai ka-kampung² dan terus saya balek ka-Negeri Sembilan, padahal di-Negeri Sembilan 5 tahun dahulu saya menjadi Pegawai Penerangan UMNO, tetapi manakala sampai di-Kelantan saya hendak berchakap pun takut. Fasal-nya saya ta' mahu chakap, jadi, orang² di-Negeri Sembilan bertanya, awak pergi ka-Kelantan apa ada cherita sanun? Saya jawab, saya lari dare, erti-nya tidak melawan lansong, lari sahaja (*Ketawa*). Bila di-katakan tidak mendatangkan huru-hara, saya sama sa-kali tidak perchaya, dan tidak dapat menerima lansong, boleh jadi semua orang yang ada dalam Dewan ini bila dapat kita membandingkan sudut sini dengan sana, baharu chakap kita sudah tidak dapat lagi mengatakan perkara itu tidak mendatangkan huru-hara, sebab itu saya perchaya 100% orang dalam negeri ini mengatakan kalau tidak ada undang² huru-hara yang lebeh hebat akan berlaku pada masa akan datang. Jadi, sa-benar-nya undang² ini bukan-nya menyekat kebebasan beragama, saya sunggoh pun tidak lebai benar atau pun panjang tasbeh, tetapi kalau saya di-suroh tukar agama saya, saya akan chap dahi orang itu, kalau dia menggunakan kekerasan, masa itu juga saya mahu balek ka-akhirat (*Ketawa*). Bagitu-lah hati saya berkenaan dengan agama, tidak boleh orang hendak suroh ubah atau keluar daripada agama Islam masuk agama lain pula. Tetapi saya dapati satu kali saya tidak terhalang apa². Ada juga sa-kali sa-kala saya pergi ka-rumah Yang Teramat Mulia Tunku, Tunku pun tidak chakap jangan pergi ka-masjid kafir. Saya sendiri dapat membandingkan yang guru saya sendiri sudah berchakap, saya dengar perchakapan-nya sudah lain pula, dahulu chakap-nya lain dan sekarang sudah lain, rupa²nya to' guru saya sudah kena jerat (*Ketawa*). Sudah kena jerat PAS! Dia rupa-nya sudah masuk PAS! Patut chakap-nya sudah lain. Jadi, saya minta keterangan betul² kapada dia, sebab dia sudah lintang-pukang, dahulu dia berchakap, ini-lah pelajaran malam ini. Saya tanya kenapa to' guru jadi bagini, rupa²-nya dia sudah masuk PAS. Kemudian saya terus terang berkata, minta ampun to' guru segala pengajaran to' guru saya junjong di-atas batu gemala saya, tetapi kalau

to' guru sekarang sudah masuk PAS, saya-lah musoh to' guru yang pertama, berhadapan-lah dengan saya lebeh dahulu, jadi, di-situ ada-lah kira² lima belas orang yang mendengar-nya, lepas daripada itu saya pun beri salam dan terus meninggalkan mereka. Sa-peninggalan saya, apa kata-nya kapada orang di-atas surau itu, jangan perchaya dengan dia itu, dia bila berchakap di-hadapan orang ramai, berchakap chara UMNO, dan manakala berchakap dengan saya sa-orang, dia itu penyokong PAS, oleh itu saya tidak marah kapada-nya, dan saya sayangkan dia, kerana hakikat hati-nya memang menyokong pada PAS. Bagitu pula cherita-nya. Jadi banyak to' guru yang sudah tergelincir pada hari ini sudah berbalek menjadi elok. Saya akhiri dengan ucapan saya ini dan saya minta ma'af-lah kapada wakil² PAS dan orang² yang bersempati dengan parti² lain, yang sa-benar-nya kita chari-lah modal² yang boleh menunjukkan apa yang kita sudah buat masa dahulu dan esok apa kita buat, jadi, peta atau pelan ketiga² masa itu kalau dapat kita bentangkan kapada ra'ayat, apa juga hujah² parti yang akan datang itu tidak berjaya, kalau dapat kita terangkan peta² atau pelan² yang sudah kita buat dahulu. Ini orang baharu, yang dahulu apa dia buat, jadi, tentang itu sudah kalah. Saya minta ampun kapada wakil² PAS, PAS memang banyak modal sa-kira-nya menggunakan perkara² agama itu dengan sa-barang jalan atau apa yang boleh sahaja, sebab tapak tanah-nya sudah siap memang lebar, orang Melayu beragama Islam. Baik juga orang² PAS hari ini tidak menambah rukun Islam atau kurangkan sedikit, tidak buat enam atau empat sa-tengah. Kalau di-buat empat sa-tengah daripada sa-ribu orang dalam kampung 900 orang yang perchaya, sebab orang² kampung sekarang ini tidak begitu dalam pengetahuan-nya, kata-lah rukun Islam empat sa-tengah dan beri keterangan-nya ka-kampung², daripada 1,000 orang yang mendengar-nya 900 orang yang perchaya. Sa-kali lagi saya minta ma'af, jadi dengan ada-nya undang² ini kita harap Pilehan Raya yang akan datang ini akan lebeh berseih dan lebeh selamat. Sakian-lah, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh. (*Tepok*).

Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati kapada apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri yang tidak berjabatan tadi ia-itu orang² kampung itu keperchayaan-nya kapada yang karut marut, sebab itu-lah Undang² ini di-adakan untuk menghapuskan keperchayaan yang karut marut ini. Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Islam di-suroh ingat beringat antara satu dengan lain, mudah²an dengan ingat beringat itu dapat memberi munafa'at kapada kita bersama. Saya tidak-lah suka hendak menyebutkan PAS, sebab di-dalam Dewan bukan-lah forum untuk membicarakan PAS, tetapi kita berada di-dalam Dewan ini sama² bertanggong-jawab untuk kebaikan bangsa dan negara kita dan oleh kerana terlampau ramai Ahli² Yang Berhormat telah berchakap tentang PAS, jadi mahu ta' mahu terpaksa-lah saya menyebutkan perkataan PAS itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau PAS membacha ayat² Quran dan hadith itu, itu ada-lah patut kerana dasar PAS itu ia-lah Quran dan Hadith dan Ijma'. Tuan Yang di-Pertua, perchayakan Allah, perchayakan Rasul-nya, perchayakan Quran dan perchayakan perkara² yang ghaib seperti balasan baik dan jahat di-hari akhirat ada-lah termasuk dalam Rukun Iman kita orang Islam. Jadi, kalau-lah seperti kata Yang Berhormat Menteri ta' berjabatan perchayakan pembalasan Allah di-hari Akhirat itu di-katakan keperchayaan karut marut maka nyata-lah sangat menyinggong jiwa sa-tiap orang Islam kerana ia menyentoh keimanan orang Islam.

Keperchayaan yang di-bawa-nya itu ia-lah faham material dan kemunchak dari faham material ini ia-lah faham komunis.

Dato' Yang di-Pertua, sa-bagaimana kita semua ketahu i bahawa PAS dalam dasar-nya menetapkan hukum yang tertinggi dalam PAS ia-lah Kor'an, Hadis dan Ijma' Ulama, ini telah di-luluskan oleh Kerajaan. Sebab itu-lah PAS menggunakan Kor'an, PAS menggunakan Hadis, PAS menggunakan Ijma' Ulama dalam perjuangan-nya. Sa-bagaimana yang telah pun di-luluskan

oleh Undang² negeri ini di-dalam pendaftaran-nya. Dato' Yang di-Pertua, PAS telah berjuang hanya mengingatkan orang² Islam kerana ingat mengingat itu memang-lah di-suroh oleh Ugama kita. Dalam negeri Trengganu, Dato' Yang di-Pertua, tidak pernah PAS mengkafirkan orang² Islam, tidak pernah PAS berkempen untuk membalas hal² saperti mana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat di-hadapan saya tadi, tetapi yang sa-benar-nya hanya Perikatan sahaja-lah yang telah menggunakan segenap tenaga mengada²kan barang yang tidak ada sa-olah² mereka itu saperti orang yang takut kapada hantu. Kami tidak pernah berkempen dengan chara apa yang di-katakan itu. Dato' Yang di-Pertua, dalam PAS kami ada-lah mempunyai fahaman tersendiri terhadap kafir Zimi, terhadap kafir Harbi, terhadap kafir itu dan ini kami ada-lah berdasarkan hukum² yang telah termaktub sejak ribuan tahun dahulu. Ini-lah kami tegaskan dalam Dewan ini. Dato' Yang di-Pertua, dalam hukum Islam itu sendiri telah terbentang segala pengajaran² yang telah terang untuk kita berpandu dengan-nya tetapi sayang kita telah chuai di-dalam perjuangan kita semata² untuk menang pilihan raya.

Dato' Yang di-Pertua, perkara kafir mengkafir ini sa-betul-nya ada-lah di-keluarkan oleh Mufti Kelantan. Jadi yang bersalah ia-lah Mufti Kelantan sedangkan. . .

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Dato' Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu kafir-mengkafir ini tidak di-keluarkan oleh Mufti Kelantan. Kafir-mengkafir ini di-keluarkan oleh anggota Dewan Ulama PAS. Mufti Kelantan tidak mengkafirkan orang² Islam di-sana. Barangkali Ahli Yang Berhormat datang dari Trengganu tidak tahukan hal ini, saya tolong betulkan.

Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang: Dato' Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya katakan tadi apa yang telah di-fatwakan oleh Mufti Kelantan itu tidak mengkafirkan orang² Islam kechuali orang² Islam yang dengan redza hati-nya sendiri diatas kekafiran-nya.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Jadi Mufti Kelantan tidak mengkafirkan

orang Islam. Saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat itu.

Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang: Saperti saya katakan tadi Mufti Kelantan tidak mengatakan kafir siapa yang mengundi orang yang bukan beragama Islam kechualikan dengan redza hati-nya di-atas kekafiran-nya itu sahaja. Tetapi beliau mengatakan haram di-kechualikan perkara ini dharurat. Itu-lah kedudukan yang sa-benar-nya dan tidak lebeh daripada itu di-katakan oleh Mufti Kelantan. Itu-lah sahaja: saya rasa dalam Dewan ini tidak timbul perkataan kafir-mengkafir itu kerana Hadis Nabi telah menegah orang² Islam, mengkafirkan orang Islam yang lain. Jadi sebab itu sa-saorang Islam tidak harus mengkafirkan sa-orang Islam yang lain, kalau-lah mereka itu tidak mahu menjadi diri-nya kafir. Soal kafir-mengkafir ini tidak timbul, Dato' Yang di-Pertua.

PAS berjuang, Dato' Yang di-Pertua, sa-bagaimana dalam Undang² dasar-nya untuk menegakkan negara Islam bukan sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa PAS ini menggunakan ugama untuk di-jadikan alat, tidak. PAS menjadikan politik alat untuk ugama, bukan ugama di-jadikan alat untuk politik, itu berbedza, Dato' Yang di-Pertua. Kami berjuang dalam politik untuk menegakkan negara Islam, ini wajib—wajib kepada orang Islam mendirikan negara Islam. Dan ke'adilan Islam, Dato' Yang di-Pertua, sudah tentu-lah sama² kita ketahu¹ bahkan Islam itu hingga kepada binatang yang hendak di-sembeleh itu pun mahu adil juga, apa-tah lagi kita sama² manusia dan tidak-lah ada sebab yang boleh menimbulkan soal permusohan di-antara kaum di-dalam negeri ini, kalau-lah Islam memerintah Malaysia. Dato' Yang di-Pertua, di-zaman keagongan Islam dahulu pernah terjadi orang² yang bukan beragama Islam itu lebeh suka tinggal di-dalam pemerintahan Islam kerana ke'adilan-nya maka bagitu juga saya rasa sekarang ini kalau kita betul² dapat menjalankan sa-buah pemerentahan yang berdasarkan Islam mungkin ini juga berlaku. Tetapi sayang kerana kita chuai di-dalam keadaan kita kerana kita tidak mengikuti lunas² Islam yang telah di-ajarkan kepada kita, maka itu-

lah sebab-nya sekarang kita sendiri takut kepada Islam memerintah Malay-sia ini.

Dato' Yang di-Pertua, saperti saya katakan tadi, Islam bukan-lah tujuan untuk memusohi satu sama lain apa-tah lagi memusohi dengan orang² yang bukan beragama Islam. Bahkan Islam sendiri tidak ada paksaan kepada orang yang bukan Islam itu supaya menerima ugama Islam. Ini tidak ada dalam Islam. Jadi soal-nya yang kita sedang hadapi ia-lah soal bahawa Malaysia ini ada-lah hak bangsa Melayu dan semua kita ketahu¹ orang Melayu beragama Islam, pokok-nya Duli² Yang Maha Mulia Majlis Raja² Melayu menjadi asas kepada kita maka ini-lah PAS memperjuangkan supaya hak bangsa Melayu ini di-kembalikan kepada bangsa Melayu. Ini-lah soal-nya, Dato' Yang di-Pertua, jadi bukan-lah soal kita hendak bermusoh dengan sa-siapa, tidak ada sebab Dato' Yang di-Pertua, maka kita hendak bermusoh dalam negeri kita ini, sekian.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Dato' Yang di-Pertua, saya bangun berchakap dalam perkara Pindaan Undang² ini dan saya menyokong penoh. Memang telah berjalan panjang perbahathan yang chukup hebat mengenai kedudukan apa yang telah berlaku di-masa² yang lalu telah berbangkit di-dalam Dewan ini. Saya rasa apa yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini mengenai Pindaan Undang² Pilehan Raya ada-lah amat sesuai dan patut sangat bahkan bukan sa-kadar itu sahaja tetapi sa-patut-nya lebeh² ketat lagi mesti di-adakan. Oleh kerana; mari kita tengok keadaan kedudukan permainan politik yang kotor yang membawa kepada bermacham² chara purak puranda yang telah kita ketahu¹; saya tidak menjadikan alasan sa-kadar kuchar kachir di-dalam chara kita memainkan politik tetapi yang susah-nya ia-lah melihat sa-hingga membawa kepada purak puranda di-dalam masharakat sekarang ini ya'ani kepada famili—suami isteri di-dalam masharakat dalam sa-buah kaliyah—masharakat dalam sa-kampong. Saya ada-lah sa-orang yang mengambil peranan yang penting di-dalam hal-ehwal penerangan² dalam kempen pilehan raya, penerangan² dalam masharakat bahkan dalam serba serbi.

Di-dalam pilihan raya yang telah lalu saya juga telah pergi ka-Kelantan dan Trengganu sa-lama 11 hari, apa dibentangkan oleh wakil dari Kelantan dan Trengganu tadi ada-lah benar sa-hingga dalam tempat saya sendiri berlaku tetapi tidak-lah begitu berat-nya oleh sebab dapat di-selesaikan dengan chara baik. Dan sa-tengah² tempat orang² yang ada mempunyai pengalamatan yang erti sedikit selalu mendengar penerangan², ucapan² perkara ugama tidak-lah begitu rumit. Dalam apa juga, yang saya hairan wakil dari Kelantan membangkang—membantah mengatakan Undang² yang di-pinda ini sudah menyekat kebebasan ugama. Saya rasa barangkali terlalu, tergamak dan sampai begitu bodoh tidak tahu chara pemerintah sa-chara demokrasi, chara² atoran yang ada di-dalam pilihan raya bukan sa-kadar di-sini sahaja tetapi di-mana juga memang ada; saya rasa di-tangan saya ini ada sa-buah buku, satu daripada tajok-nya ia-lah hal-ehwal politik, dan di-sa-belah-nya lagi hal-ehwal berkaitan dengan pemerintahan dalam Islam, Yang pedeh di-telinga saya mendengar-nya sebab tersebut dalam Dewan ini mengenai party dan saya sa-orang daripada ahli UMNO dan inilah yang pedeh hati saya, kalau tidak saya tidak hendak berchakap. Saya sa-orang yang tidak suka bising di-dalam Dewan di-mana² juga tetapi kalau sudah di-sentoh, saya memang sa-orang

yang tidak boleh di-sentoh. Jadi sebab itu saya berharap . . .

Mr President: Ada-kah tuan ini hendak berchakap panjang lagi sebab sekarang sudah pukul 12.00. Kita pada hari Juma'at berhenti meshuarat pada pukul 12.00.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Panjang lagi dan saya hendak sambong.

Mr President: Majlis meshuarat ini terpaksa di-tanggohkan. Majlis meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga jam 10.00 pagi esok hari Sabtu, 28-12-63.

ADJOURNMENT (MOTION)

Enche' Khaw Kai-Boh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan chadangan ia-itu:

Dengan tidak menurut Bab Peratoran Meshuarat 11, persidangan Senate ini akan di-tanggohkan sa-hingga pukul 10.00 pagi esok hari Sabtu, 28 haribulan December, 1963.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

Dengan tidak menurut Bab Peratoran Meshuarat 11, persidangan Senate ini akan di-tanggohkan sa-hingga pukul 10.00 pagi esok hari Sabtu, 28 haribulan December, 1963.

Adjourned at 12.00 o'clock noon.

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

MINISTRY OF AGRICULTURE AND CO-OPERATIVES

Oil Palm

1. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state whether it is a fact that Government intends to treble the planting of oil palm in this country, and, if so, in which areas the planting of oil palm will be carried out.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Mohamed Khir Johari): In pursuance of the policy of agricultural diversification Government is encouraging the expansion of oil-palm acreage.

In 1962 the total area under oil-palm was 158,000 acres. The new areas to be planted will be mainly in FLDA schemes, the greater part of which will be in the Jerantut Triangle. In all a total of about 100,000 acres have been earmarked for oil-palm in existing and new FLDA schemes.

In addition to these, some estates have also taken to replanting old rubber land with oil palm.

MINISTRY OF COMMERCE AND INDUSTRY

Publicity to "Made in Malaysia" Goods

2. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Commerce and Industry to state the steps taken by Government to publicise "Made in Malaysia" goods other than holding annual "Made in Malaysia" trade fairs.

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): It is normally the practice of manufacturers themselves to publicise their goods through advertising campaigns. The Government has however tried to assist these manufacturers to publicise their products, in Malaysia, through the staging of Fairs such as the Made in Malaysia Trade Fair and, abroad, through participation in international fairs and the promotion of trade by our trade representatives overseas.

Government is considering the advisability of setting up an Export Trade Promotion Council with the object of publicising and promoting the exports of Made in Malaysia goods overseas.

High-yielding rubber—acreage

3. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Commerce and Industry to state the acreage of rubber land now planted with the super clones and other high-yielding materials.

Dr Lim Swee Aun: Any rubber which is capable of yielding 800 lb per acre per annum is classified as high-yielding. High-yielding rubber is divided into two classes, i.e. 1st class and 2nd class. All those capable of producing average yields of 1,000 to 1,200 lb per acre per annum, and in some cases extending to 1,500 lb per acre per annum are considered as 2nd class and those which can give an average of 1,500 and over lb per acre per annum are considered as 1st class high-yielding rubber. The so called "super clones" are those which can give an average of 2,000 lb per acre per annum.

It is estimated that out of the 4,070,000 acres that will be under rubber by the end of December this year, 2,305,000 acres or 57% of total planted area will be under high-yielding rubber. 2nd class high-yielding rubber will account for 1,690,000 acres and 1st class (including "super clones") will cover 615,000 acres.

Publicity to Malayan Natural Rubber.

4. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Commerce and Industry to state what kind of publicity, if any, has been given to our natural rubber abroad, and the annual cost of such publicity.

Dr Lim Swee Aun: Publicity in respect of Malayan natural rubber is carried out by the Malayan Rubber Fund Board aimed at increasing and stimulating the consumption and use of natural rubber throughout the world.

Publicity media include the following:

(i) **OWN PERIODICALS AND PUBLICATIONS.**

(a) *Rubber Developments*—A quarterly journal with a circulation of 16,000 copies.

(b) *Natural Rubber News*—A monthly bulletin with a circulation of 6,000 copies.

(c) *Books and Booklets*—These cover reports on scientific developments and progressive uses of natural rubber in many branches of engineering, building, furniture, shoes and numerous other markets. During 1962 a total of 320,000 publications were distributed.

(ii) **PRESS, RADIO AND TV**—Numerous press releases are issued by the Rubber Fund Board's units overseas. During 1962 the technical, trade and general press made nearly 1,000 references to natural rubber based on materials issued by the units. The Board's films were included in nearly 50 TV shows, chiefly in the U.S.A. in 1962.

(iii) **EXHIBITIONS**—The Board participates in International Exhibitions and Trades Fairs. The next participation will be in the New York World's Fair 1964/65.

(iv) **FILMS AND LECTURES**—Over 300 films strips were sold during 1962 and a number of lectures were given on general and semi-technical subjects to industrial, political and educational groups.

(v) **ADVERTISING**—In 1962 advertisements stressing the advantages of Superior Processing rubber were inserted in the rubber trade journals circulating in the U.S.A., Germany, and India; the same advertisements also appeared in the rubber trade journals circulating in the United Kingdom and other countries.

(vi) **CO-OPERATION WITH MANUFACTURING INTERESTS**—The Malayan Rubber Fund Board and its units in the Commonwealth and the

United States maintain cordial relations with manufacturers, co-operating with particular groups in schemes to promote specific products in which natural rubber is principally used.

(vii) **TECHNICAL ADVISORY SERVICE**—The Board maintains a net-work of Technical Advisory Service to manufacturers in Europe, the United States, Australia, New Zealand, India and South Africa and co-operates with an organisation in Japan for similar work. This service is being expanded.

The average annual expenditure for publicity for the years 1961-63 is approximately \$1,475,000 and is wholly financed by the natural rubber producers in Malaya.

Pioneer Industries

5. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa-kah bilangan Perusahaan yang telah di-beri taraf perintis dan sebutkan sa-kali jenis² perusahaan-nya, dan daripada jumlah ini berapa buah perusahaan orang Melayu.

Dr Lim Swee Aun: (a) Hingga 30hb November, 1963, sa-banyak 62 buah perusahaan telah di-ishtiharkan sa-bagai perusahaan perintis dan 101 buah sharikat di-bawah 37 buah daripada perusahaan² yang tersebut, telah di-beri sijil taraf perintis. Boleh dikatakan semua perusahaan² ini ada-lah perusahaan jenis "secondary" yang membuat lebih daripada 150 jenis barang² pengeluaran, di-antara-nya ia-lah periok belanga dan sa-bagai-nya yang di-perbuat daripada aluminium, makanan² binatang, papan asbestos dan paip, basikal, dawai dan kawat besar, makanan² dalam tin, paip besi bersador, barang² kacha, chuka² kegunaan dalam perusahaan, tempat barang² yang di-perbuat daripada logam dan kertas tebal, chat, barang² plastik, barang² keluaran minyak petroleum dan ubat, paip besi waja, kain² pakaian, barang² keperluan bilek mandi dan tandas, tayar, paku wayar dan penganching zip. Hanya 2 jenis perusahaan sahaja yang termasuk dalam jenis perusahaan

"primary", di-antara-nya ia-lah kilang besi dan besi waja dan kilang membuat aluminium bergulung.

(b) Tidak ada sa-buah pun sharikat² perintis yang di-miliki oleh orang² Melayu tetapi banyak daripada sharikat² ini ada menguntokkan sa-banyak 10% hingga 30% modal-nya bagi orang² Melayu.

Pineapple Cannery

6. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah benar Kerajaan hendak mendirikan sa-buah kilang nanas di-Pekan Nenas, Pontian, Johor; jika benar bila-kah hendak di-dirikan kilang itu dan berapa belanja yang di-anggarkan kerana projek ini.

Dr Lim Swee Aun: Jawab-nya ya. Sa-benar-nya kerja membena kilang nanas ini telah di-mulakan. Kilang nanas ini di-jangka siap dan boleh mengeluarkan hasil sa-lewat²-nya pada bulan Jun, 1964. Jumlah harga yang di-anggarkan kerana projek ini ia-lah \$5 juta yang akan di-dahulukan oleh Kerajaan Pusat. Hak milik kilang ini akhir-nya akan di-pindahkan kepada penanam² nanas sa-chara kechil apabila mereka beransor² membeli saham² kilang nanas ini menerusi sharikat² kerjasama mereka.

MINISTRY OF DEFENCE

Civil Defence Services

7. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Defence to state when the civil defence services (such as the Auxiliary Fire Service, Air Raid Precaution, Medical Auxiliary Service) will be formed to enable Malaysians above 28 years old to join such services.

The Minister of Defence (Tun Haji Abdul Razak): The Civil Defence Services referred to in the Hon'ble Member's question namely the Auxiliary Fire Service, the Air Raid Precaution and the Medical Auxiliary Service, were passive defence organisations raised during the last war.

At present passive defence services exist in the form of the Federation of Malaya Civil Defence Corps which is

raised under the Civil Defence (Federation of Malaya Civil Defence) Rules, 1952. The Corps consists of Civil Defence Divisions in Kuala Lumpur, Klang, Penang and Butterworth and includes the following sections:

- (a) Headquarters Section;
- (b) Warden Section;
- (c) Rescue Section;
- (d) Ambulance Section;
- (e) Welfare Section.

Enrolment is confined to any male person not under the age of 30 years provided that if he is over the age of 18 years he may be enrolled for service in the Rescue Section and provided further that any female person over the age of 18 years may be enrolled in any section except the Rescue Section.

The appointment of an expert from overseas to review the organisation of the Civil Defence Corps with a view to its reorganisation is currently being examined. The extension of the Civil Defence Services to other major towns in Malaysia will be made in the light of recommendations made by the expert.

MINISTRY OF HEALTH AND SOCIAL WELFARE

Recruitment of Doctors

8. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah Kerajaan akan mengambil doktor² dari negeri² lain daripada negeri Filipina (kerana Malaysia tidak ada perhubungan diplomatik dengan Filipina) untuk mengatasi kekurangan doktor² di-negeri ini.

Menteri Kesihatan (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Kerajaan senentiasa berikhtiar dan akan terus berikhtiar mengambil doktor² dari segenap negeri² sahabat untuk mengatasi kekurangan doktor² di-negeri ini.

MINISTRY OF INTERNAL SECURITY

Progress of the Anti-Corruption Agency

9. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Internal Security to state the

progress to date made by the Anti-Corruption Agency; the number of cases of corruption brought to Court, the number of convictions secured and the number of acquittals, and the number still under investigation.

The Minister of Internal Security (Dato' Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman): Progress to date:

(a) Number of cases brought to Court	298
(b) Number of convictions secured	206
(c) Number of cases acquitted	84
(d) Number of cases still under investigation ...	81

Firing of crackers

10. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Internal Security to state the Government's policy on the firing of crackers during religious festivals.

Dato' Dr Ismail: In the light of the current situation it is the policy of Government to continue the ban on the firing of crackers within Malaysia. However, genuine applications for permission to fire crackers on the occasion of religious ceremonies will be considered on the merits of each particular case.

11. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Internal Security to state whether it is a fact that the ban on the firing of crackers was lifted during the recent Chinese New Year and Hari Raya but not during Deepavali, and, if so, whether Government will in future also lift the ban during Deepavali.

Dato' Dr Ismail: The ban was only lifted during the last Chap Goh Meh and Hari Raya in February this year in response to applications. Future applications for permission to fire crackers on the occasion of religious ceremonies will be considered on the merits of each particular case.

12. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Internal Security to state whether he has received, prior to Chinese New Year, Hari Raya Haji and Deepavali, representations from

MCA, UMNO and MIC to lift the ban on the firing of crackers during these festivals, and, if so, to state the details.

Dato' Dr Ismail: Yes. The details are obvious, i.e., seeking permission to fire crackers.

MINISTRY OF LABOUR AND SOCIAL WELFARE

Skilled labour force for Sabah and Sarawak

13. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Labour and Social Welfare to state whether it is a fact that hitherto Sabah's and Sarawak's requirement for skilled labour force has been met by immigrants from Hong Kong, and, if so, to state their terms and conditions of service and whether Government intends to repatriate them to their country of origin on the expiry of their contracts of service.

The Minister of Labour and Social Welfare (Enche' Bahaman bin Samsudin): It is a fact that hitherto some (not all) skilled labour force for Sabah and Sarawak had been met by workers from Hong Kong. The terms and conditions of service for these workers are in accordance with the International Labour Organization Convention 97, Article 6, that is, on terms and conditions not less favourable than other workers in those States. These workers are repatriated at the expiry of their contracts, but renewals of contracts are extended if their services are still required.

14. Enche' S. P. S. Nathan asks the Minister of Labour and Social Welfare to state whether Government intends to send Malaysians to work in Sabah and Sarawak and, if so, what are the terms and conditions of service that will be offered to them and whether the Minister can assure the Senate that such terms and conditions of service will not be less favourable than those offered to immigrants from Hong Kong.

Enche' Bahaman bin Samsudin: The Central Government will assist workers who are prepared to go and work in Sabah and Sarawak should there be requests made by the two State

Governments. So far only Sabah Government had made an official request for 200 workers. The terms and conditions of service are being negotiated. The Senate can rest assured that the terms and conditions of service of Malayan workers in those two States will not be less favourable than those offered to workers from Hong Kong.

PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

Claims by Civil Servants

15. Enche' S. P. S. Nathan asks the Prime Minister to state whether it is a fact that more than 60 claims put up by the Civil servants organisations are pending settlement at the Whitley Council level and, if so, what steps are being taken to settle them early.

The Prime Minister: It is true that there are more than 60 claims covering a large section of the Public Service now at various stages of progress in the National Whitley Council, Division I-IV. These claims are being dealt with as expeditiously as possible and in accordance with the established Whitley Council procedure. In following this procedure it is expected that both sides must be prepared to consider each others point of view and the progress of the claims depends a great deal on this spirit.

Whitley Council

16. Enche' S. P. S. Nathan asks the Prime Minister to state in view of the threat of industrial action by a section of Government servants because of the alleged ineffectiveness of the Whitley Council machinery, whether he will consider reorganising or streamlining the day-to-day working of the Whitley Council and, if so, what steps he intends to take towards this end.

The Prime Minister: Industrial action is a legitimate weapon in democratic Trade Unionism. However, it is a matter for regret that Government Servants should now choose at this stage to resort to industrial action rather than following closely the spirit advocated in Whitleyism. In negotiat-

ing their claims Government Servants should adopt the spirit of give and take rather than consider their claim as a demand. There should be goodwill on both sides. There is no evidence to show that there is ineffectiveness or inefficiency in the present Whitley Council machinery itself: what is required to be changed is not the machinery but the spirit with which this machinery will operate. It is therefore not intended to change it.

17. Enche' S. P. S. Nathan asks the Prime Minister to state whether it is a fact that considerable delay is being caused at ministerial level, especially in the Treasury, in agreeing to Whitley Council recommendations made after joint negotiations, and, if so, what steps he intends to take to minimise the delay.

The Prime Minister: There has never been any necessary or deliberate delay at any level in the Official Side of the National Whitley Council in settling claims submitted by the Staff Side. All claims are carefully examined and passed through the various stages of the Whitley Council machinery before any offer could be made to the Staff Side. It must be expected, therefore, that some time have to be taken before such offer could be made and the progress depends on the nature and merits of each claim. Once the offer is made and accepted by the Staff Side, the question of delay does not arise.

Housing Allowance Claim

18. Enche' S. P. S. Nathan asks the Prime Minister to state whether it is a fact that Government servants housing allowance claim was first raised about 12 years ago and, if so, what steps have been taken by Government to settle it until 27th of November, 1963, when Government servants marched to and picketed the Federal House and the Treasury in Kuala Lumpur, and to state when and how this claim will be finally settled.

The Prime Minister: The claim for an increase in the housing allowance for which the CUEPACS had resorted to picketing on November 27th, 1963,

in order to press the Government to settle it was submitted in March, 1962.

This allowance was last revised in 1961. Housing allowance is directly related to the question of the housing policy of Government as a whole and should be examined very carefully. Cabinet was about to decide on this claim when the picketing took place. If the Government were to give in to the threat then it would find itself in a most embarrassing situation where it would always have to yield to force.

**Commission of Enquiry into Government
Servants salary**

19. Enche' S. P. S. Nathan asks the Prime Minister to state when the proposed Commission of Inquiry into Government servants salary and working conditions will be set up and the names of members of the Commission.

The Prime Minister: The Government is considering setting up the Commission and it is hoped that the Commission would be announced soon.